

**MAKLUM BALAS MEDIA – ISU KEJADIAN RIBUT LUAR BIASA PADA 9 MAC 2019**

Putrajaya 10 Mac 2019 - Susulan daripada kejadian hujan lebat dan ribut luar biasa semalam, Perbadanan Putrajaya telah menggerakkan pasukan bagi melaksanakan kerja -kerja pengalihan pokok dan pembersihan bermula dari jam 6 petang hingga 3 pagi.

Operasi bersepadu ini melibatkan kekuatan 30 orang dan jentera 3 skylift, 5 lori, 1 kren dan 2 perincih (shredder) daripada PPj. Operasi ini turut dibantu oleh pasukan Polis, Bomba, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Alam Flora Sdn Bhd.

Antara kawasan yang terjejas adalah kawasan kejiranan Presint 1, 8, 9, 10, 11, 14, 16 serta taman-taman awam melibatkan 122 batang pokok tumbang, 115 batang pokok sekah dan 5 tiang lampu.

Buat masa ini, kerja-kerja pembersihan telah siap hampir 60 peratus. PPj dan agensi-agensi terlibat akan meneruskan kerja-kerja pembersihan dan pengalihan sehingga selesai.

Quoted:

YBhg. Datuk Dr. Presiden Perbadanan Putrajaya

SM.  
WZ.